

**Che Siti Wan Kembang: Songket Seni Tenun Warisan**

Nasha Sharieyna binti Dzulkarnain  
Nur Irash Najiehah binti Asmadi  
Wan Satirah Wan Mohd Saman  
Mohd Nazir Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

**ABSTRAK**

*Malaysia memiliki warisan kesenian dan kebudayaan tersendiri yang melambangkan identiti budaya dan bangsa Negara. Antara seni budaya yang masih lagi wujud dan dimartabatkan di Malaysia ialah Songket. Songket merupakan warisan Melayu sejak turun temurun. Songket merupakan seni warisan budaya yang sangat istimewa. Kesenian Songket ini digambarkan dengan wujudnya jenis motif dan corak yang digunakan dalam penghasilan songket tenun warisan. Walaupun songket dikenali di setiap lapisan masyarakat, namun proses penghasilannya jarang diketahui oleh masyarakat umum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menelusuri proses pembuatan serta rekaan corak dan motif yang digunakan dalam tenunan tersebut, agar dapat diketahui masyarakat umum. Walaupun songket dihasilkan di beberapa negeri pantai timur, kajian ini menumpukan kepada pembuatan songket Kelantan. Keharmonian dan keseimbangan motif dan corak dalam gaya hiasan yang disusun dalam kain tenunan songket telah menjadikan songket Kelantan unik.*

**Kata kunci:** songket, warisan budaya, corak dan motif, unik, Kelantan

**ABSTRACT**

*Malaysia has its own artistic and cultural heritage that symbolizes the cultural and national identity of the country. Among the cultural arts that still exist and are dignified in Malaysia is Songket. Songket has been a Malay heritage for generations. Songket is a very special cultural heritage art which is illustrated by the existence of the types of motives and patterns used in the production of songket weaving heritage. Although the songket is known in all walks of life, the production process is rarely known by the public. Therefore, this study aims to trace the production process as well as the design of patterns and motives used in the weaving, so that it can be made known to the public. Although songket is produced in several east coast states, this study focuses on the production of Kelantan songket. The harmony and balance of motives and patterns in the decorative style arranged in the songket woven fabric has made the Kelantan songket unique.*

**Keywords:** songket, cultural heritage, pattern and motives, unique, Kelantan.

**PENGENALAN**

Songket merupakan salah satu lambang warisan masyarakat Melayu dan ianya khusus diciptakan untuk golongan kerabat diraja sahaja pada zaman dahulu. Songket Kelantan adalah salah satu di antara songket yang terkenal di negeri Pantai Timur selain daripada negeri Pahang dan Terengganu. Songket Kelantan mempunyai daya tarikannya yang tersendiri, iaitu dari segi corak dan motif yang digunakan berdasarkan daripada gambaran flora dan fauna. Songket Kelantan dilihat sangat unik dari segi cara penghasilannya, kerana menggunakan 100% alatan tradisional yang menghasilkan kualiti, corak dan motif yang digunakan tampak lebih halus cara penghasilannya dan menaikkan lagi seri si pemakai.

Nama “songket” ini dikenali melalui teknik penghasilannya, iaitu dengan menyolek benang emas pada tenun kain sutera atau juga dikenali sebagai menyongket. Kain songket dibahagikan pada dua kumpulan iaitu songket tekat 3 dan 5, ianya merujuk kepada penggunaan beberapa ukuran antara lembaran benang emas yang ditenun dengan benang sutera. Difahamkan bahawa songket tekat 3 agak sulit cara pembuatannya berbanding dengan songket tekat 5 dan hasil songket tekat 3 lebih kemas dari segi penyusunan benang.

Terdapat 4 bahagian rekaan kain songket iaitu badan, bahagian atas, bunga Lawi Ayam dan pucuk yang di apit di antara bahagian tepi dan atas kain. (Afirah, 2020)

Tenunan songket sangat istimewa kerana proses pembuatannya melalui banyak fasa sebelum berhasil menjadi sehelai kain. Oleh kerana kaedah pembuatannya agak sukar, harga bagi sehelai songket agak mahal. Di Malaysia, warisan songket ini terkenal di kawasan Semenanjung Malaysia kelompok tiga negeri Pantai Timur iaitu Terengganu, Kelantan, dan Pahang yang dikenali tempat utama pengeluar bagi kain tenunan songket.

Menurut Afirah (2020), kain songket juga merupakan sejenis pakaian yang diperbuat melalui kaedah tenunan tangan yang menggunakan benang emas dan perak. Songket amat popular dari zaman dahulu sehingga kini kerana cara dan penghasilan yang menarik iaitu dengan menggunakan kaedah tradisional. Pada zaman dahulu, hanya golongan kerabat, orang ternama dan pemimpin negeri sahaja yang memakai songket namun kini pemakainya adalah lebih meluas dan sekarang dipakai oleh orang kebanyakan, terutamanya di majlis perkahwinan, perayaan ataupun dijadikan tema rasmi bagi menyambut sesuatu peristiwa mahupun majlis-majlis penting.

Sementara itu, menurut Zafifi Ideris (2020), kain songket merupakan kain yang ditenun dengan menggunakan peralatan tradisional dan ianya mempunyai corak yang sukar untuk ditenun, lebih-lebih lagi untuk menghasilkannya hanya menggunakan benang perak atau benang emas sahaja. Si pemakai kain songket pula hanya terdiri daripada golongan kerabat diraja, golongan orang-orang besar negeri dan orang bangsawan. Seni daripada hasil tenun dan motif corak songket yang rumit tersebut melambangkan seseorang yang berjawatan tinggi atau taraf orang besar kerajaan negeri pada masa dahulu. Ianya dikenali di kawasan negara Asia iaitu negara Malaysia dan negara jiran iaitu Indonesia bermula pada kurun ke-13. Hasil tenunan songket dikenali sebagai kain peninggalan warisan dan ianya memiliki mutu sejarah yang tinggi.

Sejarah asal usul penciptaan songket tidak dinyatakan dengan tepat, tetapi pada asalnya, nama songket ini diceritakan bermula daripada perkataan ‘menyungkit’ kerana di dalam loghat Thailand iaitu ‘kek’ bererti menyungkit

yang sama dengan ‘songkok’ iaitu perkataan dari China yang membawa makna yang sama. Berdasarkan Robyn Maxwell (1990) pemahaman masyarakat tentang kaedah penghasilan kain songket telah diperolehi melalui masyarakat Cina yang telah memperkenalkan peralatan logam malah kedatangan pengaruh dan peradaban dari Timur Tengah iaitu Turki, India dan Parsi juga lebih memperkuatkan cara pembuatannya.

Jumlah pengetahuan orang awam tentang salasilah songket adalah rendah. Namun begitu, kebarangkalian tenunan songket yang telah meluas di negara Malaysia melalui pernikahan di antara kerabat diraja, telah membentuk rancangan penggabungan yang berlaku dan memberi pengaruh yang besar terhadap perkembangan songket pada kurun ke-15. Pembuatan songket melalui kaedah tenunan, dengan menggunakan lembar benang emas dan ianya ditenun dengan lembar benang sutera yang menggunakan kain atau fabrik rata dan eksklusif digunakan dalam golongan keturunan orang besar Melayu.

Sulaiman Ghani (2005) berkata,cara pemerhatian tenunan songket tradisi lazimnya umpama simbolik sebuah halaman flora. Penenun songket akan memperhatikan lalu terkenang dan akhirnya diterjemahkan kepada sesuatu yang dapat mereka lihat pada songket sebagai suatu karya seni. Kaedah tenunan pula merupakan sebuah luahan kata hati dan ianya memerlukan ketenangan yang tinggi untuk menghasilkannya.

Hubungan yang rapat di antara kaum Melayu tradisi dengan kehidupan alam semesta khususnya alam tumbuh-tumbuhan telah lama wujud. Mengikut Hairuddin.H,(2001), kaum Melayu memandang unsur alam kaya dengan simbolik pengertian. Gaya pandangan kehidupan bukan hanya terhad dalam menyatakan alam sebagai bahan dan kehidupan yang terbuku sahaja malah mempraktikkannya dalam kesibukan sehari-hari penduduk.

Namun begitu helaian tenunan songket melukiskan makna dalam aturan adat orang Melayu dengan cara pemakaianya yang memadai pada anggota badan manusia iaitu dengan memenuhi kultur kehidupan kepada si pemakai. Keutuhan pada pakaian tersebut dapat dijelaskan dengan memandang pada bahagian atas badan, dan hingga ke bawah. (Grace,1990)

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian mendapati bahawa perihal utama yang menyebabkan terhasilnya penyelidikan berkaitan dengan songket ini adalah motif dan corak yang terdapat pada kain tenunan. Kain tenunan songket terkenal dengan motifnya yang tersendiri. Motif dapat membezakan antara songket dengan kain biasa yang telah dihasilkan. Namun begitu, warisan tenunan songket haruslah dipelihara kesuciannya agar tidak mudah diseleweng motif dan coraknya oleh negara luar. Sekiranya songket tidak dijaga dengan baik, warisannya akan mudah hilang ditelan zaman. Bukan itu sahaja, sekiranya songket tiada keistimewaannya yang tersendiri, masyarakat mudah untuk mengimport corak dan motif daripada negara luar untuk digunakan semasa tenunan. Jadi, tidak wujud lah warisan yang akan dibanggakan oleh negara Malaysia sekiranya hal ini berlaku. (Mohammed Hj. Hussein,2020)

Kini, penenun songket telah mengeluarkan pelbagai corak dan motif yang menarik sebagai tenunan di atas sehelai kain. Sehingga kini masih tidak ada orang yang mengetahui sebab utama penenun dan pereka corak menghasilkan corak dan menenun corak serta motif yang berasaskan flora dan fauna. Hal ini kerana, jika di Malaysia terutamanya di Kelantan tiada pengeluar songket yang tersendiri, sudah tentu orang Kelantan akan mengimport corak dan motif dari negara luar malah tiada seni warisan yang akan diangkat dan dijulung untuk diwarisi oleh anak cucu kelak. Hal ini akan menyebabkan tiada identiti Kelantan yang boleh dibanggakan. Bukan itu sahaja, peluang untuk negara-negara lain mengakui bahawa hasil seni tenunan songket adalah hak milik negara mereka juga agak tinggi kerana mereka beranggapan bahawa penghasilan songket adalah untuk dijadikan sebagai pakaian semata-mata tanpa menyelidik sebab penciptaannya dan kepentingannya terhadap sesebuah negara.

Motif dan corak songket juga dijadikan sebagai penghias kain tenunan. Penyaringan motif dan corak yang menarik akan menjadikan sehelai kain tenunan yang cantik dan kebiasaannya akan dihasilkan oleh penenun dan pereka corak itu sendiri. Rekaan corak akan menentukan kesudahan hasil yang bermutu, namun sebab-sebab lain tentang penyaringan motif kain tenunan songket juga masih tidak diketahui sehingga sekarang. Semua motif dan warna kain tenunan songket ada tujuannya yang tersendiri tetapi ramai

komuniti kini tidak faham akan tujuan penghasilan corak dan warna yang telah digunakan. (Hairuddin Harun,2001)

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengkaji jenis-jenis songket yang terdapat di Kelantan melalui temubual dengan salah satu pengeluar utamanya.
2. Mengetahui cara penghasilan songket yang berkualiti tinggi.
3. Mengkaji sejarah penceburan tokoh dalam bidang songket.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan Bagi kajian ini adalah:

1. Apakah jenis-jenis songket yang dihasilkan oleh tokoh?
2. Bagaimanakah cara-cara untuk menghasilkan songket yang berkualiti tinggi?
3. Bagaimanakah tokoh ini menceburि bidang pembuatan songket?

### **KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Antara kepentingan dan sumbangan kajian adalah sumber sejarah yang asal tentang seni warisan tenunan songket dapat ditambah, di mana ia merupakan kelemahan bagi sesebuah negara sekiranya kurang sumber-sumber sejarah yang asal. Tambahan pula, tujuan sejarah lisan ini adalah untuk menjadi sumber referensi kepada penyelidikan yang akan datang. Kajian ini juga dapat melihat pendedahan tokoh melalui pengalaman, pendedahan dan tunjuk ajar daripada tenaga pakar iaitu pengusaha songket sendiri. Selain daripada itu, dapat mengetahui corak dan motif yang telah dihasilkan serta dapat mempelajari cara penjagaan songket dan cara-cara untuk menghasilkan sehelai songket dengan pelbagai corak dan motif.

Kepentingan utama kajian ini juga adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya seni warisan tenunan songket untuk masa akan datang. Seni tenunan songket merupakan warisan Melayu yang tinggi nilainya dan juga perlu dipertahankan oleh masyarakat pada hari ini

terutamanya bagi golongan muda atau belia. Masyarakat dan golongan muda perlu sedar bahawa seni tenunan warisan songket amat penting dan perlu diperturunkan dari generasi ke generasi supaya tidak ditelan zaman agar mereka mengetahui asal usul warisan yang terdapat dalam masyarakat Melayu.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Songket merupakan kesenian warisan peradaban Melayu yang mempunyai kualiti sejarah yang besar. Keistimewaan songket terletak kepada bentuk corak tenunan secara rapi (Adiguru, Kraftangan, Jabatan Arkib Negara). Kajian penyelidikan ini memperkenalkan pelbagai kelas songket yang diturunkan dari zaman berzaman kepada tokoh. Bukan itu sahaja, melalui penyelidikan ini juga dapat mengetahui proses-proses pembuatan dan penenunan songket yang jarang diketahui umum.

Motif yang terdapat di dalam tenunan songket merupakan lingkungan bagi laman yang berkaitan songket dan laman sesawang yang telah diaplikasikan metode gambaran dalam menghasilkan jangkauan imej. Motif songket bertujuan untuk membantu dalam memudahkan proses memperolehi maklumat yang berkaitan dengan songket oleh pemakai. Berdasarkan kajian yang lalu, keterangan daripada Changhu et.al. (2010) ada menyatakan bahawa gambaran boleh menolong si pemakai walaupun si pemakai itu tidak lancar di dalam aspek pengajian, pertuturan dan pembacaan.

Menurut Sabzali Musa Kahn (2016), menyatakan bahawa Songket dapat dimajukan dan dikekalkan seni warisan dan budaya kreatif dengan memartabatkan keseniannya. Ini kerana untuk menyatukan dan mencapai gagasan satu Malaysia di Nusantara dan boleh mengekalkan jati diri bangsa. Songket adalah sutera buatan tangan atau kapas tenunan sutera dengan benang emas. Songket merupakan perkataan orang Melayu iaitu mengeluarkan benang dari bahagian belakang tenunan menggunakan benang emas atau benang perak (Md. Nawawi, Aziz, 2006). Ini bukan kaedah membuat kain menggunakan sulaman, seperti penciptaan motif sebagai elemen corak pada kain dibuat pada kaedah menenun. Cara penghasilan kain songket ini melibatkan proses yang amat rumit dengan mengangkat tenunan songket benang pada benang yang longgar. Kemudian, benang pakan

dimasukkan ke dalam benang kapas dan benang sutera untuk menghasilkan corak pada songket tenun ini. (Haziyah Hussin, 2004).

Ada yang berpendapat bahawa songket berasal dari Timur Tengah, sementara yang lain mengatakan bahawa ianya berasal dari Kepulauan Melayu seperti Bugis dan Riau (Norwani, 1989). Aktiviti pembuatan songket sangat dikenali dengan baik semasa pemerintahan Sultan Mansur (TM 1726-1798). Menurut Siti Zainon Ismail, (1986) songket juga dikatakan bermulanya dari negara Cina dan India tapi ianya memasukkan corak asal tempatan iaitu dengan meletakkan corak pada zaman Melayu seperti bunga-bungaan, rempah cengkik, dan motif floral yang lain.

Pada awal perkembangan kewujudan kain songket ini, melalui informasi yang telah diperolehi dari kisah-kisah lama bahawa Songket merupakan persalinan golongan bangsawan dan golongan istana yang memakai songket untuk membuktikan kehebatan dan kedudukannya. Hanya golongan istana sahaja yang dikatakan berupaya dan dibolehkan menyewa penenun tempatan dan penenun dari Sumatera untuk menghasilkan corak pilihan mereka dan mempunyai kain songket dengan gaya dan corak yang tersendiri (Selvayagam, 1990).

Dalam sejarah pada zaman Melayu dahulu, pakaian songket hanya boleh dipakai oleh kerabat diraja, pegawai istana yang dipilih oleh sultan, dan mereka yang telah menerima anugerah dan gelaran. Terdapat peraturan yang ketat untuk memakai pakaian songket. Mereka yang gagal untuk mematuhi peraturan boleh dikenakan hukuman yang berat. Pada masa kini, kain unik ini biasanya dipakai sebagai pakaian rasmi, pakaian perkahwinan, pakaian untuk penari tradisional, dan jubah semasa upacara konvoikesyen. Selain itu, songket juga dapat digunakan sebagai barang hiasan dan hadiah (Norwani, 1989).

Kebanyakan penenun songket di Kelantan terdiri daripada wanita. Walaupun tenunan ini beroperasi secara kecil-kecilan di kampung-kampung, terdapat beberapa perniagaan yang mempunyai pembuatannya sendiri dengan kilang di mana mereka menyewa penenun songket dengan membekalkan bahan mentah seperti benang dan yang lain. Oleh kerana penghasilan songket dilakukan sepenuhnya dengan tangan oleh penenun songket, maka memerlukan masa yang lama untuk menyiapkan sehelai kain

songket. Sebaliknya, songket yang dibuat menggunakan mesin memerlukan masa yang lebih singkat untuk menyiapkannya tetapi tidak mempunyai kehalusan dan keunikan. Motif berikut digunakan pada corak yang berbeza, berdasarkan di mana ianya berada untuk meletak dan mengulang. Sebilangan besar corak dan motif songket berasal daripada sumber flora dan corak abstrak. Antara motif yang terkenal adalah lapan kelopak atau manggis, bunga tampuk kesemak (Buah Sharon), biji peria, buah masam kecil, kurma, bunga cengklik, buah manggis, bunga sinar matahari dan rebung (Md. Nawawi, et al., 2002).

Seterusnya, Shahrul Azman dan Saiful (2009) ada berpendapat bahawa pencapaian bayangan berunsurkan gambaran yang berkaitan bagi mencapai bayangan di dalam repositori yang berukuran besar. Sokongan daripada kajian ini memberi maksud bahawa metode melalui gambaran boleh menyumbang kepada para pengguna yang ingin mencari idea tentang motif songket dengan melakar apa-apa gambaran yang di ingat oleh pengguna. Shahrul Azman juga ada menyatakan bahawa metode gambaran juga dapat menolong menyumbang kepada produk yang bersesuaian dengan kemahuan si pemakai kerana mereka berupaya mewujudkan gambaran yang tersembunyi di dalam fikiran mereka.

Cara pembuatan songket meliputi beberapa cara iaitu dengan menyongket benang asas dengan benang loseng. Hal ini bermaksud benang biasa diselitkan dengan benang pakan emas iaitu benang sutera dan kapas untuk mendapatkan hasil corak pada kain songket (Haziyah.H,2004). Menurut Eryna (2020) kelebihan kain songket ialah senang di jahit. Ini kerana fabrik dan juga tekstil kainnya yang tidak terlalu licin dan tidak berisiko untuk mudah rosak ketika dijahit dan juga songket ini nampak lebih elegan dan mewah kepada si pemakai. Ianya kerana, bergantung kepada warna pada sehelai kain songket itu sendiri dan berperanan untuk kelihatan lebih eksklusif dan mewah. Warna-warna yang cerah dan pastel seperti warna biru muda, merah muda, ungu, kuning dan apa saja warna asas pada songket menjadikan kain songket tersebut lebih menarik untuk dipakai.

Selain itu, meningkatkan pengetahuan yang mendalam kepada masyarakat berkenaan dengan kelebihan dan keistimewaan sehelai kain songket yang merupakan seni warisan budaya di Malaysia. Ini kerana

masyarakat di Malaysia dapat di dedahkan dengan lebih lagi mengenai asal-usul seni warisan budaya iaitu songket. Oleh kerana, masyarakat masa kini kurang mengetahui tentang asal-usul seni warisan songket, terdapat beberapa penyelidikan yang mendedahkan lebih lagi maklumat mengenai songket. Menurut Sheppard (1972), aktiviti tenun menenun ini diwarisi oleh orang semenanjung Malaysia yang dipercayai mempunyai kemahiran yang diwarisi daripada zaman dahulu iaitu daripada Kerajaan Melayu Langkasuka dan juga Pattani yang telah ada dari awal kurun pertama masihi. Ini kerana penemuan bahan bersejarah seperti bahan arkeologi di Semenanjung Malaysia dan Kerajaan Langkasuka dan juga Pattani telah menguasai dan menjalinkan hubungan bersama dengan kerajaan Melayu Champa dan juga Funan. Ini telah membuktikan bahawa dari dulu lagi wujudnya aktiviti tenun menenun di dalam sejarah asal-usul China. Oleh sebab itu, Semenanjung Malaysia telah mewarisi seni warisan tersebut sehingga sekarang.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan satu cara mendapatkan fakta tentang pengalaman seseorang penggerak yang direkodkan dengan kaedah temubual. Seseorang tokoh yang telah dipilih kebiasaannya terdiri daripada golongan yang boleh memberi sumbangan mengenai informasi yang melibatkan diri serta pengalaman mahupun telah melalui peristiwa yang bersejarah. Bukan itu sahaja, seseorang tokoh juga boleh dikatakan telah mengadakan jalinan perhubungan secara langsung dengan masa, peristiwa atau watak yang tertentu. Informasi yang diperolehi daripada sesi temubual tersebut, dicatat dan catatan itu akan disemak dan ditaip supaya boleh dijadikan sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran. (Universiti Kebangsaan Malaysia,2007)

Aminudin (2002) menyatakan bahawa pada setiap cerita atau peristiwa terdapatnya seseorang yang pernah merasai dengan sendirinya kejadian yang telah berlaku di dalam hidupnya. Kebiasaannya, tokoh dapat menceritakan keseluruhan dari pengalaman yang telah dialami olehnya sendiri tanpa ada sebarang keceluaran dalam penceritaan. Sekiranya tokoh utama tidak dapat menceritakan satu per satu peristiwa yang dialaminya, maka terdapat tokoh tambahan atau tokoh yang lain yang boleh menyelidik untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang ingin dilakukan. Namun begitu, ianya akan

wujud perbezaan cerita daripada tokoh utama, tetapi cerita yang diperolehi dari tokoh kedua atau tokoh tambahan masih boleh dijadikan sebagai sebuah cerita.

Tokoh sumber lisan bagi kajian ini adalah Encik Mohammad bin Haji Hussein yang merupakan Penerima Pusaka Peringkat Kedua Che Minah Songket. Che Minah Songket dibangunkan sendiri dari Che Minah yang merupakan bonda kepada Mohammad bin Hj. Che Hussein sendiri. Mohammed bin Hj. Che Hussein terpilih untuk menyambung perniagaan ini walaupun ada saudara kandung yang ramai. Ini disebabkan saudara kandung beliau yang lain tidak berminat untuk mewarisi perniagaan keturunan ini. Saat itu hanya terdapat beliau serta adiknya, Encik Ahmad Kamel bin Haji Hussein yang ingin menyambung perniagaan ini. Pada zaman 70-an, Mohammad bin Hj. Hussein adalah seorang aktivis dalam bidang politik, namun beliau bertukar arah dalam bidang perniagaan apabila meneruskan pengajian beliau di dalam jurusan berkenaan di Institut Teknologi MARA (ITM) yang sekarang dikenali Universiti Teknologi MARA (UiTM). Setelah tamat belajar di Institut Teknologi MARA (ITM), beliau mula mengambil alih perniagaan ini ketika beliau berusia 20 tahun dan kini telah berhasil menyambung warisan perusahaan ini selama hampir 30 tahun. Walaupun sedang meniti usia 60-an, Mohammad bin Hj. Hussein tetap kuat dan masih lagi bersemangat dalam menguruskan perniagaan keluarga ini.

Data kajian ini dikumpul dengan melaksanakan beberapa proses penyelidikan iaitu dengan mengkaji bahan-bahan ataupun dokumen-dokumen yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Setelah itu, penyelidikan ini juga dilakukan dengan mengadakan temubual awal secara bersemuka dengan tokoh untuk menerangkan bagaimana kajian dan wawancara ini dijalankan. Selain itu, dengan penyelidikan ini juga, penyelidik telah menyediakan soalan wawancara untuk ditemubual secara berstruktur yang mengandungi 3 bahagian iaitu soalan orientasi, soalan biasa dan soalan spesifik. Kajian ini juga dijalankan dengan wawancara secara bersemuka dengan tokoh selama 2 jam dengan mengajukan soalan-soalan yang disediakan tersebut. Pengumpulan data bagi kajian ini turut disokong dengan bahan-bahan dari Jabatan Arkib Universiti (UiTM) dan Arkib Negara Malaysia.

## **HASIL KAJIAN**

### Proses Dan Cara Penghasilan Songket



Gambar rajah 1: Proses penghasilan Songket

Melalui daripada hasil kajian ini, masyarakat dapat mengetahui cara-cara dan proses dalam menghasilkan sehelai kain songket. Rajah 1 menunjukkan proses keseluruhan penghasilan sehelai kain songket dengan lengkap. Ianya dimulai dengan mencelup benang dengan beberapa jenis warna. Seterusnya, kerja melera benang dari lembaran agar benang terurai supaya senang untuk dimasukkan ke dalam Cuban. Setelah benang dilerai, benang tersebut akan dialami ataupun disebut sebagai proses mengani benang kepada kek dan diikuti dengan proses menyampuk benang.




Gambar 1: Proses Melera Benang (sumber Che Minah Songket)

Setelah itu, teknik tenunan untuk menenun kain dikenali sebagai proses mengarakan. Semasa mengarakan lembaran benang, lapisan lembar benang akan

disungkit untuk memastikan benang tersusun dengan teratur terlebih dahulu sebelum ke proses yang seterusnya iaitu proses menenun yang merupakan asas bagi menghasilkan kain songket. Setelah selesai proses menenun kain, proses menyongket pula akan dilakukan pada kain tersebut. Akhir sekali, langkah bagi proses penghasilan songket ini ialah dengan proses membuat bunga. Proses membuat bunga ini akan menggunakan benang keemasan untuk menghasilkan corak dan motif yang tertentu pada kain songket. Baharom (2010), ada mengatakan bahawa aktiviti menenun songket ini perlulah dilakukan dengan penuh sabar dan teliti. Ini kerana pembuatan songket yang teliti dan kemas ini akan menghasilkan songket-songket yang berkualiti dan menepati ciri-ciri songket pilihan pengguna. Para penenun songket juga perlulah mahir dalam menenun dan melakukan motif dan corak yang agak rumit pada kain songket

### **Corak Dan Motif Yang Ada Pada Kain Songket**



Gambar 2: Corak Songket Pucuk Rebung

Pemilihan corak dan motif yang cantik akan menghasilkan sehelai kain tenunan songket yang cantik. Perekor corak dan penenun akan menjalani sesi pemilihan corak dan motif dengan teliti bagi menghasilkan songket yang berkualiti tinggi. Menurut Mohamed bin Haji Hussein (2020), bunga corak dan

motif songket yang beliau hasilkan adalah mengikut corak yang telah direka oleh ibunya sejak dulu lagi.



Gambar 3: Corak Songket Jalur Melintang

Corak dan motif tersebut digunakan sejak turun-temurun sehingga sekarang. Corak yang biasanya digunakan pada kain tenun ini ialah Songket Jalur Melintang iaitu coraknya yang disusun mengikut jalur melintang. Manakala, Songket Bunga Bertabur pula, bunganya yang disusun secara tidak teratur dan tidak terikat atau berangkai antara satu sama lain. Selain itu, corak Songket Pucuk Rebung biasanya terdapat pada bahagian kepala kain, dan pada kaki atau tepi kain songket. Motif pucuk rebung juga dikenali sebagai motif tumpal dan berbentuk tiga segi. Seterusnya, corak Songket Bunga Penuh ialah bunga yang penuh dan mengandungi beberapa jenis motif untuk memenuhi tanah kain. Ada yang berbentuk rantaian dan dikenali sebagai teluk berantai.



Gambar 4: Corak Songket Tapak Catur

Corak Songket Tapak Catur pula ialah bunga songket pada kain tenun yang berpetak-petak yang dipanggil bunga dalam raga. Mohammad bin Haji

Hussein berpendapat bahawa bentuk *rhombus* dan *ladu* adalah corak yang paling banyak digunakan pada kain songket iaitu segi empat yang berbentuk seperti ketupat.



Gambar 5: Contoh songket bermotif *Rhombus* dan juga *Ladu*

Corak dan motif ini amat penting pada sehelai kain songket bagi mengekalkan identiti songket Kelantan. Keunikan dan kelebihan pada kain songket tersebut terletak pada motif dan coraknya yang tersendiri. Menurut Azah Aziz (1990), kain bercorak dan bermotif ini diperkenalkan melalui kaedah penghasilan tenunan songket yang secara lazimnya mempunyai susunan motif

dan coraknya yang tersendiri. Keistimewaan corak dan motif songket Kelantan ini dapat menarik lagi peminat dan penggemar songket Kelantan

### **Cara Penjagaan dan Penyimpanan Kain Songket**



Gambar 6: Cara Penjagaan dan Penyimpanan Kain Songket (sumber Che Minah Songket)

Kajian ini juga telah mengkaji cara-cara penyimpanan dan penjagaan songket dengan betul. Penyimpanan bagi kain songket ini amat penting bagi mengekalkan keadaan fizikal songket agar kelihatan seperti baru. Mohammad bin Haji Hussein juga ada menambah bahawa penjagaan songket ini penting dan perlu diketahui bagi penggemar dan pembeli kain songket. Cara penyimpanan dan penjagaan yang betul ialah dengan menggulungkan kain songket tersebut dengan menggunakan kayu ataupun menyangkut kain songket tersebut menggunakan penyangkut baju bagi mengelakkan kain songket itu berlipat. Untuk memelihara keunggulan dan kecantikannya, kain songket seharusnya dibasuh dengan menggunakan teknik cucian kering. Untuk menyeterika kain tersebut, ianya mestilah dilakukan dengan meletakkan kain alas ataupun kain sarung di atas kain songket tersebut bagi mengelakkan kain songket tersebut terbakar semasa sedang seterika.



Gambar 7: Penenun songket menggunakan alat tenun tradisional (sumber Che Minah Songket)

Pada masa kini, penghargaan terhadap kesenian kain songket kian menghilang dan kurang mendapat sambutan daripada pengguna. Faktor yang menyebabkan kain songket ini semakin kurang dikenali adalah kerana kurangnya kemahiran tenaga kerja. Kekurangan tenaga kerja pada masa kini menyebabkan pengeluaran songket tempatan yang berkualiti tinggi berkurang. Tenunan songket yang asli rata-ratanya terhasil daripada hasil tenunan buatan tangan oleh penenun akan tetapi pada masa kini, kain songket yang diperbuat

dengan menggunakan mesin telah menguasai pasaran. Ini kerana tenaga kerja penenun songket asli semakin berkurang. Keadaan ini memaksa pengusaha-pengusaha songket di Kelantan mendapatkan sumber daripada luar untuk dijual. Penglibatan anak-anak muda juga berkurang dalam bidang tenunan songket pada zaman sekarang. Pada pendapat Mohammad bin Haji Hussein, kebanyakannya daripada anak muda masa kini memilih untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti dan kolej-kolej kemahiran yang mana dapat menguntungkan diri sendiri. Kebanyakannya anak muda memilih untuk bekerja di luar negeri Kelantan dan tidak berminat untuk mempelajari serta mengekalkan seni warisan songket ini. Di Malaysia, Kelantan dan Terengganu merupakan negeri di Pantai Timur yang mempunyai ciri-ciri dan adat kebudayaan tradisional yang masih dikenal seingga kini. Ini kerana adat kebudayaan tradisionalnya yang telah wujud sejak beratus-ratus tahun dahulu. Menurutnya lagi, keadaan di negeri-negeri Pantai Timur yang terpisah daripada pengaruh luar telah menjadikan negeri ini mengekalkan budaya tradisional yang tersendiri serta masyarakatnya juga mempunyai kemahiran secara semulajadi. Ini menunjukkan bahawa Seni Warisan Songket ini dapat dikenal identitinya seingga kini. (Wan Hashim, 1996)

## **KESIMPULAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui perkara yang lebih mendalam tentang Songket daripada sumber primer iaitu tokoh yang telah memberi pelbagai maklumat dari pengalaman beliau sendiri untuk dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengguna dan penyelidik. Tambahan pula, songket adalah warisan kesenian Melayu yang telah lama wujud dan bertahan seingga ke hari ini. Menerusi kajian ini, warisan kesenian tenunan songket ini bukan sahaja menjadi khazanah tradisi rakyat tempatan, malah boleh menjadi perusahaan yang meluas hingga ke seantero dunia, serta mampu menjana nama dan ekonomi negara. Penggunaan songket kini didapati tidak hanya tertumpu pada pakaian sahaja, malah telah berkembang menjadi peralatan perhiasan dan hadiah. Evolusi ini dilihat melalui jenis penggunaan songket yang seiring dengan peredaran zaman, di mana rupa dan reka bentuknya telah diubah dan disesuaikan secara kreatif untuk mencapai pasaran tempatan dan juga pasaran dunia.

## **RUJUKAN**

Abdul Samad, M.A., Borhan, Z.A., Ahmad, M.N., Mohd Yatim, O., (2006). Estetika dan Keindahan Songket Melayu: Jurnal Pengajian Melayu (17).

Adiguru Kraf, Tenunan Songket, 2010/0017310W, VIDEO. Sumber Arkib Negara Malaysia.

Arba'iah A A, Othman Y. (2009). Falsafah di Sebalik Motif Songket Melayu Terengganu. Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara.Kesinambungan Tradisi dan Budaya. P

Azah Aziz (1990). Selayang Kenangan. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.

Chadwick, Treasure, E., B,Gill, P., & Stewart, K.(2008). Methods of Data Collection in Qualitative Research: Interviews and Focus Groups.British Dental Journal, 204(6), 291–295. <http://doi.org/10.1038/bdj.2008.192>

Cik Ramlah Che Jaafar Noor Azlinda., Wan Siti Roudhah Mohamad Saad, Jan Radia Banu Jan Mohamad. (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan

Songket, Satu Warisan Malaysia (1999), Galeri Petronas, Kuala Lumpur

Faizal Sidek. (2017). Motif Songket Melayu: Pengucapan Falsafah

G. S. K., June. (2007). Transforming Traditional Malaysian Songket into Contemporary Songket for Broader Apparel Usage. Unpublished PhD Thesis. Universiti Sains Malaysia. Malaysia.

Hairun Nisa. (2017). Pengertian Tokoh dan Penokohan Menurut Para Ahli.

Haziyah Hussin. (2004). Peranan Songket Dalam Perkahwinan Melayu. Jurnal Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (17), pp. 33-50.

HarianMetro, (2019).Keistimewaan tenunan Melayu: <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/10/502796/keistimewaan-tenunan-melayu-metroty>

Khairuddin. A. (1991) Songket berbenang emas Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kraftangan (Seramik, Batik, Kain Songket) I) Buletin Kraft, Januari-Mac 2011.- Kuala Lumpur.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2011. (Sumber Majalah) ii) Kraf, Bil.2/90 Jilid.8. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia,1990. (Sumber Majalah) iii) Kraft, Bil 3/90 Jilid 9.-Kuala Lumpur.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 1990. (Sumber Majalah), 2012/0000507Q, DOKUMEN. Sumber Arkib Negara Malaysia, Jabatan

Norwani Mohd.Nawawi (2002), Songket Malaysia Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Nursuriati J. (2008). Image Retrieval of Songket Motif Based on Fusion of Shape Geometric Descriptors.Tesis Ijazah Dr. Fal. Fakulti Teknologi Sains dan Maklumat. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor Darul Ehsan.

Rohaneeda. (2008). Mengenal Kraf Tradisional

Sheppard, Mubin (1972), Malay Decorative Art and Pastime. Kuala Lumpur:Oxford University Press

Siti Fadzilah Mat Noor, Tengku Siti Meriam Tengku Wook.,Nadiah bt Yusof.(2013). Songket Motives Retrieval Through Sketching Technique. Procedia Technology, 11: 263271.

Wan Hashim Wan Teh (1996). Malay Handicraft Industries. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.